

BULETIN HARIAN

PKK 2015



SEDIA MENYELAMAT
TAMBAH 999

“CEPAT DAN MESRA”

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang

Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan JBPM 2015

Bil. 1 / 2015 | 17 Ogos 2015 | Isnin | 1 Zulkaedah 1436

Juan Rumah

PKK ke-17 2015

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Pulau Pinang



Persiapan Logistik M/S 3



Perasmian PKK 2015 M/S 5



Pendaftaran Wasit M/S 4



Pertandingan Kawad Kaki M/S 6



WAKTU SOLAT TAHUN 2015 BAGI ZON SELURUH NEGERI PULAU PINANG DAN KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

Tarikh	Hari	Imsak	Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Maghrib	Isyak
15 Ogos	Sabtu	5:46	5:56	7:13	13:25	16:41	19:33	20:45
16 Ogos	Ahad	5:46	5:56	7:13	13:25	16:40	19:33	20:44
17 Ogos	Isnin	5:46	5:56	7:13	13:25	16:39	19:33	20:44
18 Ogos	Selasa	5:46	5:56	7:13	13:25	16:39	19:32	20:43
19 Ogos	Rabu	5:46	5:56	7:13	13:25	16:38	19:32	20:43
20 Ogos	Khamis	5:46	5:56	7:12	13:24	16:37	19:32	20:43
21 Ogos	Jumaat	5:46	5:56	7:12	13:24	16:36	19:31	20:42



Sekapur Sirih Seulas Pinang



YS PKPjB Haji Azmi bin Tamat
Pengarah
Jabatan Bomba Dan Penyelamat
Malaysia

Mutiara Kata

I AM STRONG

because I know my Weaknesses

I AM BEAUTIFUL

because I am aware of my Flaws

I AM FEARLESS

because I learnt to recognise, illusion from Real

I AM WISE

because I learn from my Mistakes

I AM A LOVER

because I have felt Hate

and...

I CAN LAUGH

because I have known Sadness

Assalamualaikum w.b.t dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana limpah kurnia-Nya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Pulau Pinang terpilih untuk menganjurkan Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-17 pada tahun ini. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke Pulau Pinang Pulau Mutiara.

Sebagai hos pada tahun ini, pihak JBPM Pulau Pinang telah merancang dengan teliti agar memastikan program ini berjalan dengan teratur seperti yang dirancang. Kesemua pertandingan pada tahun ini akan diadakan di empat tempat yang telah terpilih untuk kemudahan peserta peserta. Di Fakulti Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia, Nibong

Tebal akan ditempatkan kemudahan penginapan kepada pengadil dan peserta disamping menjadi tempat untuk pertandingan perancangan strategi *table top*, malam persembahan dan majlis penyampaian hadiah. Manakala pertandingan menyelamatkan mangsa menggunakan tangga akan diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Bakap. Kawad operasi menyelamatkan di air akan diadakan di Tasik Bukit Merah, Perak. Selain daripada itu acara-acara lain akan diadakan di tempat utama di Stadium Negeri Batu Kawan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penganjuran pada tahun ini. Diharapkan juga pertandingan sebegini dapat mengeratkan tali silaturrahim sesama kita. Akhir kata saya memanjatkan doa agar program ini berjalan lancar dan diucapkan selamat bertanding dengan penuh semangat dan dedikasi kepada kesemua pasukan.

“Sekilas pandang” Negeri Pulau Pinang

Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang terletak di pantai Barat Laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini terbahagi kepada dua bahagian oleh Selat Melaka. Negeri ini merupakan petempatan British yang pertama di Semenanjung Malaysia.

Nama pulau ini diambil daripada nama pokok pinang. Ia juga dipanggil Tanjung Bidara sebelum dikenali dengan Pulau Pinang.

Pulau Pinang terdiri daripada bahagian pulau dan juga tanah besar yang dikenali sebagai Seberang Perai. Keluasan kawasan pulau adalah 285 km² yang terpisah



sepenuhnya daripada Seberang Perai. Kedua dua bahagian dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan jambatan.


Pulau Pinang mempunyai lima daerah iaitu Barat Daya Pulau Pinang, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara dan Timur Laut Pulau Pinang.

Kapten Francis Light telah menamakan pulau ini pada ketika itu sebagai Pulau Princes of Wales.

Persiapan PKK kali ke - 17 2015

Logistik merupakan persiapan paling penting dalam setiap kali PKK yang mana melibatkan banyak tenaga kerja atau kakitangan terutamanya Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai Bomba tanpa mengira pangkat melakukan tugas sama ada sebelum, semasa dan selepas bagi merealisasikan PKK pada kali ini berjalan lancar seperti yang dirancang.

Logistik



**Pendaftaran Wasit, Ketua Pengadil dan Pengadil,
Taklimat pengadil dan Kontigen**



14 Ogos 2015

Sesi pendaftaran telah berjalan dengan lancar dan jayanya. Sesi pendaftaran ini didahului dengan pendaftaran PKPjB Saadon bin Moktar selaku Ketua Jawatankuasa Rayuan. Sesi ini diteruskan pendaftaran Ketua Wasit, Ketua Pengadil, dan seterusnya para pengadil dan wasit bagi memastikan pertandingan pada tahun ini lebih telus dan saksama. Seterusnya taklimat untuk pengadil dan kontigen bagi memastikan mutu pengadilan yang telus dan komitmen yang tinggi dari setiap kontigen.



Perasmian PKK 2015



16 Ogos 2015

Majlis pembukaan PKK telah dirasmikan oleh Pengarah JBPM PP iaitu **YS PKPjB Haji Azmi bin Tamat** yang diiringi oleh Komandan ABPM KKB PKPjB **Saadon bin Moktar**. Majlis ini berlangsung di Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang sebagai tempat utama PKK pada kali ini.





PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEBOMBAAN

Petandingan Kawad Kaki



16 Ogos 2015

Pertandingan Kawad Kaki berlangsung sebaik sahaja Majlis Pembukaan yang diadakan di Stadium batu Kawan, Pulau Pinang yang disertai sebanyak 16 buah negeri yang mana setiap negeri perlu menghantar seramai 33 orang pegawai bagi disiplin kawad kaki. Pertandingan ini dimenangi oleh JBPM Melaka, diikuti JBPM Selangor dan JBPM Pulau Pinang.



Jadual Pertandingan

17 OGOS 2015 (ISNIN)	0800 – 1200	KAWAD OPERASI MEMBENTANG HOS 200 KAKI	STADIUM BATU KAWAN
	1400 – 1700	KAWAD OPERASI FIREMAN LIFT	STADIUM BATU KAWAN
	0800 – 1700	KAWAD OPERASI PENYELAMATAN KEMALANGAN JALANRAYA	STADIUM BATU KAWAN
		SINDIKET PERANCANGAN STRATEGI OPERASI TABLE TOP	DEWAN KULIAH 5 USM NIBONG TE- BAL
		KAWAD OPERASI MENYELAMAT DI AIR	TASIK BUKIT MERAH, PERAK
2100 – 2300	MALAM PERSEMBAHAN DAN PEN- YAMPAIAN HADIAH	DEWAN UTAMA, KAMPUS KEJU- RUTERAAN USM NIBONG TEBAL	

Cabutan Undi PKK 2015

Bil	Negeri	Kawad Kaki	Parade Commander	PPDA	Hantaran Jauh	RTA	Table Top	FFC	SARNAV	Bentang Hos 200'	Fireman Lift		Menyelamat Mangsa Menggunakan Tangga		
											40 Ke Atas	40 Ke Bawah	40 Ke Atas	40 Ke Bawah	Wanita
1	Perlis	13	13	3	16	1	5	10	16	8	3	3	13	13	13
2	Kedah	6	6	13	2	8	4	14	4	4	8	8	4	4	4
3	Pulau Pinang	4	4	14	9	3	3	7	6	12	4	4	7	7	7
4	Perak	11	11	12	8	15	15	3	10	15	1	1	6	6	6
5	Selangor	16	16	8	7	6	8	6	14	11	9	9	10	10	10
6	Kuala Lumpur	10	10	7	10	2	12	16	7	16	11	11	16	16	16
7	Putrajaya	2	2	11	15	12	14	5	3	5	12	12	1	1	1
8	Negeri Sembilan	7	7	2	6	5	10	9	11	6	15	15	3	3	3
9	Melaka	5	5	9	12	7	2	8	12	1	2	2	8	8	8
10	Johor	9	9	15	11	13	16	12	15	13	7	7	5	5	5
11	Kelantan	15	15	16	13	10	1	15	13	2	6	6	2	2	2
12	Terengganu	12	12	4	5	14	7	2	1	14	13	13	15	15	15
13	Pahang	1	1	10	1	4	13	4	8	10	10	10	11	11	11
14	Sabah	14	14	5	3	9	3	11	5	7	5	5	12	12	12
15	Sarawak	8	8	6	4	16	11	13	2	9	16	16	9	9	9
16	Labuan	3	3	1	14	11	6	1	9	3	14	14	14	14	14

Keputusan PKK 2015

Bil	Negeri	Kawad Kaki	Parade Commander	PPDA	Hantaran Jauh	RTA	Table Top	FFC	SARNAV	Bentang Hos 200'	Fireman Lift		Menyelamat Mangsa		
											40 Ke Atas	40 Ke Bawah	40 Ke Atas	40 Ke Bawah	Wanita
1	Perlis	5	7												
2	Kedah	10	11												
3	Pulau Pinang	3	3												
4	Perak	14	13												
5	Selangor	2	2												
6	Kuala Lumpur	15	15												
7	Putrajaya	11	5												
8	Negeri Sembilan	7	8												
9	Melaka	1	1												
10	Johor	13	6												
11	Kelantan	9	12												
12	Terengganu	6	9												
13	Pahang	12	14												
14	Sabah	4	4												
15	Sarawak	8	10												
16	Labuan	16	16												

BULETIN HARIAN

PKK 2015



SEDIA MENYELAMAT
TAMBAH 999

“CEPAT DAN MESRA”

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Pulau Pinang



Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan Peringkat Kebangsaan JBPM 2015

Tempat - tempat menarik di Pulau Pinang



Penang Hill



George Town, Penang



Penang Botanic Gardens



Batu Ferringhi Beach, Penang



Penang War Museum



Penang National Park

Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih



Universiti Sains Malaysia
(Kampus Kejuruteraan)
Cawangan Nibong Tebal



Jabatan Bomba dan
Penyelamat Malaysia



Majlis Perbandaran
Seberang Perai (MPSP)



Pengkalan Udara JBPM
Bertam,
Pulau Pinang



Pengkalan Udara JBPM
Subang,
Selangor



Akademi Bomba dan
Penyelamat Malaysia
Wakaf Tapai,
Terengganu



Akademi Bomba dan
Penyelamat Malaysia
Kuala Kubu Bharu,
Selangor



Akademi Bomba dan
Penyelamat Malaysia
Tronoh,
Perak



Pasukan Mencari dan
Menyelamat Khas
Malaysia
(SMART)



Bukit Merah
Laketown Resort,
Perak